

**IKLAN JAWATAN
TIMBALAN NAIB CANSELOR (HAL EHWAL PELAJAR & ALUMNI)
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

MAKLUMAT JAWATAN

Jawatan	:	Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
Kumpulan Perkhidmatan	:	Pengurusan Tertinggi
Gred Jawatan	:	Gred Utama (B) (VU6)
Jadual Gaji	:	Minimum RM 8,650.00 hingga RM24,030.00 (Tertakluk kepada % kenaikan gaji SSPA)
Tempoh Lantikan	:	Satu (1) hingga tiga (3) tahun perkhidmatan untuk setiap lantikan tertakluk pada tempoh yang ditentukan Kementerian Pendidikan Tinggi
Taraf Pelantikan	:	Secara Pertukaran Sementara, Pelantikan Pinjaman, Pelantikan Sementara atau Pelantikan Kontrak
Kelayakan	:	Sekurang-kurangnya telah memegang jawatan Profesor Madya dengan kelayakan Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) atau setaraf serta berpengalaman memimpin dan mengurus Pusat Pengajian/ Fakulti/ Jabatan.

1. KRITERIA PEMILIHAN

Pemilihan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) secara umumnya mestilah berasaskan kepada kriteria-kriteria seperti berikut:

a) Kecemerlangan Akademik

Seorang ahli akademik yang cemerlang mendapat kepercayaan penuh dari kalangan rakan sejawat, mempunyai rekod cemerlang dalam penyelidikan, penerbitan jurnal berwasit, inovasi dalam pengajaran dan cemerlang dalam perkhidmatan profesional.

- b) Pengiktirafan Antarabangsa**
Penyandang mestilah diiktiraf oleh *peers* antarabangsa sebagai pakar dalam bidangnya, mempunyai jaringan antarabangsa yang kukuh, pernah menerima pelbagai anugerah dan pengiktirafan dari organisasi terkemuka luar negara.
- c) Kebolehan Memimpin dan Mengurus**
Penyandang mestilah mempunyai *people skills* yang boleh meneraju transformasi, mempunyai gagasan, visi dan misi serta mampu menggerakkan komuniti kampus ke arah budaya kecemerlangan akademik. Pengalaman dan rekod kecemerlangan kepimpinan akademik merupakan antara ciri utama menentukan kemampuan calon selain kemahiran komunikasi dan *interpersonal* yang mantap.
- d) Reputasi**
Menjadi '*role model*' kepada semua peringkat staf, mempunyai pengalaman dan *proven track record* serta disanjung baik dan dihormati oleh masyarakat kampus dan luar.
- e) Personaliti**
Penyandang mestilah seorang yang berwibawa, berkarisma, bersahsiah tinggi, *team player*, serta mempunyai motivasi dalaman untuk memacu kecemerlangan universiti. Penyandang juga mestilah memahami aspirasi Negara untuk membangunkan modal insan mentaliti kelas pertama.
- f) Berfikiran Jauh dan Kritis**
Penyandang mestilah berkemampuan untuk berfikiran jauh dalam menentukan hala tuju dan visi pembangunan dan kecemerlangan organisasi selain mempunyai kemampuan untuk menganalisa, mensintesis dan membuat penilaian secara holistik dalam menyelesaikan masalah.
- g) Berintegriti**
Penyandang perlulah mempunyai tahap integriti yang tinggi, tidak pernah terlibat atau disabitkan dalam mana-mana kesalahan jenayah dan tatatertib serta bertanggungjawab sepenuhnya terhadap jawatan dan peranan yang diamanahkan.

h) Mempunyai Kapasiti Dalam Penjanaan Dana Universiti

Mempunyai minda keusahawanan seperti cekap melihat peluang, berani mengambil risiko bagi meneroka peluang-peluang baharu serta berfikiran kreatif dan inovatif dalam menggunakan segala sumber secara optimum untuk menjana pendapatan universiti.

i) Menghayati Agenda Nasional

Berkeupayaan menangani perubahan dan membawa organisasi ke arah kecemerlangan serta bersedia untuk melaksanakan transformasi demi melonjakkan reputasi organisasi. Mampu untuk menghayati dan menghargai kepelbagaian serta merealisasi dasar-dasar negara dan agenda nasional.

2. KRITERIA KHUSUS

a) Berkemampuan menguruskan urusan berkaitan pembangunan dan perkhidmatan pelajar

- Mempunyai pengalaman dalam mengurus perkara-perkara yang berkaitan dengan pembangunan dan perkhidmatan pelajar. Penyandang bertanggungjawab menyelia aktiviti yang dianjurkan oleh persatuan dan badan pelajar terutamanya Majlis Perwakilan Pelajar agar sebarang aktiviti yang dilaksanakan selari dengan matlamat penubuhan Universiti dan tidak bercanggah dengan dasar-dasar kerajaan. Penyandang juga akan bertanggungjawab memastikan perkhidmatan pelajar seperti penginapan, kesihatan, khidmat kaunseling dan lain-lain aspek perkhidmatan pelajar sentiasa terjamin.

b) Aktif dalam ko-kurikulum dan berpengetahuan dalam merekabentuk dan melaksanakan kokurikulum ber kredit serta program pembangunan pelajar secara holistik

- Mempunyai kemahiran dalam merekabentuk kokurikulum ber kredit bertaraskan hasil pembelajaran (LO) dan kemahiran Insaniah (KI) serta aras taksonomi pembelajaran yang selaras dengan atribut efektif yang perlu dihasilkan melalui aktiviti kokurikulum. Calon perlu mempunyai pengalaman dalam menterjemah kokurikulum ber kredit kepada program memperkasakan pelajar serta berupaya memberi kesedaran, dorongan dan galakan kepada pelajar untuk melibatkan

diri secara aktif dalam aktiviti kokurikulum dalam usaha melahirkan pelajar yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek.

c) Penglibatan dalam jawatankuasa yang berkaitan hal ehwal pelajar

- Calon mestilah seorang yang berorientasikan pelanggan dan sentiasa bersedia mendekati pelajar bagi menjaga kebajikan mereka tidak kira siang atau malam. Calon Juga perlu mempunyai pengetahuan dalam bidang psikologi dan kaunseling runding cara sebagai asas untuk mendekati pelajar bagi mengetahui permasalahan mereka. Calon bagi jawatan ini juga akan terlibat dalam pelbagai jawatankuasa termasuk Jawatankuasa Tatatertib Pelajar.

d) Penyandang Berpengalaman dalam menguruskan Asrama/ Desasiswa/ Dewan /Kolej Penginapan Pelajar

- Profesional Calon mestilah mempunyai asas pengurusan Asrama/ Desasiswa/ Dewan/ Kolej Kediaman Pelajar di universiti. Calon juga mestilah mempunyai kemahiran dalam penyelesaian masalah bagi menjaga keharmonian dan kesejahteraan pelajar agar perkhidmatan yang disediakan ini dapat mewujudkan suasana pembelajaran yang kondusif.

e) Mempunyai jaringan hubungan yang luas serta dihormati dari kalangan Alumni

- Mempunyai hubungan yang luas serta dihormati dari kalangan alumni. Ini adalah kerana alumni adalah penting sebagai salah satu teras kepada pembangunan dan kemajuan Universiti.

3. CARA MEMOHON

3.1 Calon yang berminat hendaklah memohon melalui permohonan atas talian dan memuat naik dokumen-dokumen yang diperlukan mengikut proses seperti berikut:

- a) Layari pautan berikut : <https://ilead.upsi.edu.my/>
- b) Daftar sebagai pengguna akaun;
- c) Lengkapkan maklumat yang diperlukan;

- d) Klik *SUBMIT*;
- e) *Log in*, semula di pautan di atas;
- f) Masukkan *username dan password*, Klik *Login*;
- g) Isikan maklumat peribadi yang diperlukan dan sediakan lampiran untuk di muat naik (*upload attachment*) seperti berikut :
 - i. *Curriculum Vitae* (CV)
 - ii. Kertas ringkasan mengenai wawasan dan perancangan (KPI) jangka pendek dan jangka panjang sekiranya dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UPSI.

3.2 Sebarang pertanyaan sila hubungi:

En. Nazar Mohd Zahidi bin Mohd Azahar

Ketua

Bahagian Governan

Jabatan Pendaftar

Universiti Pendidikan Sultan Idris

No. Tel: 05-450 6565/ 6613/ 6679

E-mel: governan@upsi.edu.my

- 3.3 Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja yang akan dipanggil untuk ditemu bual. Segala perbelanjaan berhubung dengan permohonan/ temu bual jawatan ini tidak akan ditanggung oleh UPSI. Permohonan yang tidak menerima jawapan dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh iklan jawatan ditutup hendaklah dianggap tidak berjaya.
- 3.4 Tarikh tutup permohonan ialah pada **27 April 2026 (Isnin) jam 12.00 tengahari**.